

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERTAHANAN DI PEMBUKAAN SEKOLAH LATIHAN PENERBANGAN TENTERA UDARA DI RAJA MALAYSIA, ALOR SETAR, KEDAH PADA 7 MEI, 1965

Y.B. Menteri Kerja Raya, Pos dan Telekom<sup>1</sup>, Y.A.B. Menteri Besar, Kedah<sup>2</sup>, Ketua Turus Angkatan Tentera<sup>3</sup>, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya sangat berasa gembira kerana dapat menerima bangunan dan kemudahan-kemudahan yang telah dibina untuk kegunaan pasukan Tentera Udara Di Raja Malaysia Di Alor Setar daripada rakan saya Y.B. Menteri Kerja Raya, Pos dan Telekom. Saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan tahniah kepada Jabatan Kerja Raya dan pemborong-pemborong yang telah berjaya menyiapkan kerja-kerja mereka dengan sempurna dengan masa yang singkat. Sayatelahmemberi arahan bahawa mustahak pembinaan Sekolah Latihan Penerbangan ini dijalankan dengan cepatnya disebabkan kita berkehendakkan latihan-latihan kepada pemandu-pemandu kapal terbang Tentera Udara Di Raja dijalankan dengan segera. Saya amatlah sukacita kehendak-kehendak saya telah disempurnakan oleh Jabatan Kerja Raya dan kakitangan-kakitangannya.

Pembinaan Sekolah Latihan Penerbangan ini ialah suatu langkah yang besar dalam rancangan kita hendak membesar dan meluaskan Tentera Udara Di Raja kita. Tentera Udara Di Raja kita adalah muda, berumur hanya lebih kurang 6% tahun, akan tetapi kita bercita-cita dan berazam hendak mempunyai satu Tentera Udara Di Raja yang lengkap, mempunyai perkakas-perkakas yang moden untuk mempertahankan tanahair kita. Pembinaan Sekolah Latihan Penerbangan ini satu daripada rancangan yang besar untuk melaksanakan cita-cita kita itu dan banyak lagi perkara-perkara yang kita terpaksa jalankan sebelum kita dapat mempunyai Tentera Udara Di Raja yang lengkap. Kita berharap dalam membesar dan meluaskan Tentera Udara Di Raja kita ini, kita akan mendapat bantuan dan pertolongan daripada Negeri-negeri Komanwel dan negeri-negeri yang lain yang bersahabat dengan kita. Pasukan Pertahanan adalah berkehendakkan belanja yang banyak teiutama sekali Tentera Udara Di Raja.

Barangkali sesuai untuk saya memberi kata-kata ringkas mengapakah Sekolah Latihan Penerbangan Udara Di Raja Malaysia ini dibina di Alor Setar. Pada mulanya, Sekolah Latihan Penerbangan telah diadakan di

<sup>1</sup>Dato' V.T. Sambanthan.

<sup>2</sup>Dato' Syed Omar Sahabudin.

<sup>3</sup>Lt. General Tengku Osman bin Tengku Mohd Jewa.

Pengkalan Tentera Udara Malaysia di Kuala Lumpur, yang telah diselenggarakan oleh Tentera Udara Di Raja dengan Pengarah Penerbangan Awam. Dalam awal tahun 1963, oleh kerana pembesaran Tentera Udara Di Raja Malaysia di Kuala Lumpur, maka sudah tentu pada suatu masa yang singkat tanggungjawab-tanggungjawab Sekolah Latihan Penerbangan ini akan memuncak tinggi. Juga, adalah dijangka penambahan kapal-kapal terbang tentera dan kapal-kapal terbang awam di kawasan Kuala Lumpur dan dengan pembinaan Padang Kapal Terbang Antarabangsa di Subang Batu Tiga, akan mendatangkan bahaya kemalangan kepada penuntut-penuntut penerbangan yang memandu kapal terbang di angkasa tersebut. Dengan sebab itu, adalah diputuskan bahawa Sekolah Latihan Penerbangan ini dipindahkan kepada suatu tempat yang tiada begitu sibuk. Setelah membuat siasatan di sebelah Barat Malaysia, maka didapati Alor Setar mempunyai padang kapal terbang yang sesuai untuk dibina sekolah tersebut. Pada hari ini, tuan-tuan menyaksikan bangunan tetap yang baru untuk Pengkalan Tentera Udara Di Raja Malaysia menggunakan untuk latihan pemandu-pemandu mereka.

Tentera Udara Di Raja Malaysia ialah satu tentera baru dan telah ditubuhkan sejak 6% tahun dahulu dan keutamaannya mula-mula ialah untuk menubuhkan Sekolah Penerbangannya sendiri. Ini telah dimulakan dengan cara kecil apabila ditubuhkan satu tempat latihan di Kuala Lumpur pada tahun 1960 dengan mendapat guru-guru penerbangan daripada pegawai-pegawai Tentera Udara Di Raja. Semenjak itu, latihan ini telah diperbesarkan dan hari ini di Alor Setar sekolah tersebut adalah mempunyai hampir semuanya guru-guru warganegara Malaysia, dan bilangan pemandu-pemandu di dalam latihan sudah meningkat empat kali ganda daripada dahulu. Daripada tahun ini, dua kursus yang memberi latihan kepada 15 orang penuntut-penuntut penerbangan akan dijalankan. Semakin lama, Tentera Udara ini akan besar dan kita terpaksa memperbesarkan sekolah ini untuk menerima lebih banyak lagi penuntut-penuntut penerbangan dan juga memberi latihan yang tinggi kepada pemandu-pemandu untuk mereka menjalankan tugas-tugas tindakan.

Latihan pemandu-pemandu tersebut adalah amat mustahak bagi Tentera Udara; kejayaan dan kegunaan tentera itu adalah terletak di atas kepandaian pemandu-pemandu yang tamat daripada sekolah itu. Mereka ini bukannya sahaja dikehendaki menjadi pemandu-pemandu yang pandai tetapi juga mereka mestilah ada mempunyai kebolehan-kebolehan sebagai seorang pegawai yang tinggi dan menerusi pengalaman mereka, mereka akan menjadi panglima penerbangan kumpulan dan pengkalan dan juga menjadi pegawai-pegawai yang bertanggungjawab untuk tindakan-tindakan yang baik bagi tentera.

Sebelum mereka datang ke sekolah ini, pemandu-pemandu tersebut terpaksa menempuhi latihan tentera di bumi, di Maktab Tentera Persekutuan, Sungai Besi. Kursus ini, ialah untuk memberi pengalaman kepada mereka di dalam tatatertib tentera dan untuk membina kecekapan-kecekapan sebagai pemimpin untuk faedah mereka di dalam Tentera Udara pada masa hadapan. Setelah tamat daripada Maktab Tentera Persekutuan, mereka mula berlatih memandu kapal terbang di sini. Kursus penerbangan untuk pemandu-pemandu penerbangan memakan masa hampir satu tahun, dan di dalam masa itu mereka memandu kapalterbang selama 160 jam dan termasuk juga latihan di bumi dan mempelajari mata-mata pelajaran seperti "aeronautics, airmanship, navigation, meterology", dan berkenaan dengan jentera-jentera kapal terbang dan sebagainya. Mereka dilatih untuk hidup di dalam hutan kerana boleh jadi di satu masa barangkali, mereka terpaksa menghadapi itu. Adalah dijangka Tentera Udara Di Raja Malaysia akan dilengkapi dengan senjata-senjata moden, dan latihan menyerang akan dimasukkan di dalam sukatan pelajaran pada tahun hadapan. Latihan itu termasuklah menggunakan meriam, senapang, roket dan bom dan ini akan diajarkan di dalam kursus-kursus yang tinggi.

Apabila penuntut-penuntut penerbangan itu menunjukkan kebolehan-kebolehan mereka sebagai pemandu kapal terbang tentera, mereka akan diberi pangkat sebagai pegawai penerbangan di dalam Tentera Udara Di Raja Malaysia. Setelah berlatih dengan rancaknya selama 18 bulan dan mereka menunjukkan kebolehan-kebolehan mereka di atas angkasa dan di bumi, mereka akan mencapai matlamat yang pertama iaitu mendapat lencana penerbangan. Pengurniaan "Wing" ini adalah satu penghargaan kepada mereka dan menjadikan mereka itu pemandu-pemandu Tentera Udara.

Saya percaya tuan-tuan pun bersependapat dengan saya bahawa Sekolah Latihan Penerbangan ini adalah amat berguna dan bertanggungjawab di atas pembinaan Angkatan Tentera Udara kita yang muda ini. Kepada guru-guru dan kakitangan-kakitangan sekolah ini saya mengucapkan tahniah dan kepada penuntut-penuntut penerbangan, saya menyeru supaya bergiat dengan cergas di dalam latihan dan tunjukkanlah kebolehan-kebolehan masing-masing supaya menjadi pemandu-pemandu yang cekap dan pandai untuk mempertahankan negara kita. Saya berdoa moga-moga penuntut-penuntut semua berjaya didalam perkhidmatan Tentera Udara Di Raja Malaysia.

Saya dengan sukacitanya membuka dengan rasminya sekolah ini dan diharapkan berjaya di masa hadapan.